

Suspek kes kematian bayi merupakan teman lelaki ibu mangsa

Anggota polis pula diberkas

Oleh **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR** dan **MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID**

LUMUT – Seorang anggota polis ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes kematian bayi lelaki berusia lapan bulan dipercayai akibat didera pada Isnin lalu.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, anggota keselamatan berusia dalam lingkungan 30-an dipercayai teman lelaki ibu mangsa ditangkap di Sungai Siput dekat sini kelmarin.

“Semalam (kelmarin) kita tahan teman lelaki wanita tersebut (ibu mangsa) dan direman selama tujuh hari bermula semalam (kelmarin) untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Kita yakin dengan tertangkapnya kedua-dua suspek tersebut,



MIOR FARIDALATHRASH

pihak polis berjaya menyelesaikan kes kematian bayi ini,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Balai Polis Pulau Pangkor di sini semalam.

Menurut beliau, suspek yang merupakan seorang anggota polis telah ditahan tugas dan berkhidmat di luar negeri ini.

Mengulas lanjut, Mior Farida-

lathrash memberitahu, laporan bedah siasat yang dijalankan ke atas mayat bayi itu mendapati mangsa dcederakan dengan menggunakan objek tumpul.

Selain itu, terdapat kecederaan baharu dan lama pada tubuh bayi tersebut.

“Berdasarkan laporan pakar forensik mangsa dcederakan dengan menggunakan objek keras atau objek tumpul,” katanya.

Ibu kandung mangsa yang bekerja sebagai jururawat persendirian telah bercerai dengan bapanya kira-kira enam bulan lalu.

Wanita berusia 30 tahun itu diberkas kelmarin.

Kosmo! semalam melaporkan seorang bayi lelaki berusia lapan bulan maut disyaki didera ibu kandung selepas dibawa ke hospital. Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.



Di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh terlihat bayi berusia lapan bulan dihantar untuk dibedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya.

Ada kesan kecederaan pada badan mangsa
Bayi lapan bulan mati didera ibu kandung

Oleh **ASLIZA MUSA**

LUMUT – Seorang bayi lelaki berusia lapan bulan meninggal dunia dengan kesan kecederaan pada tubuhnya dinedar...
Polis menerima maklumat berhubung kejadian itu pada pukul 7.10 pagi.
“Siasatan...
matian bayi itu, ibu...
sia 30...

KERATAN Kosmo! semalam.